



UNDANG² MALAYSIA

Akta 38

AKTA KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA), 1971

Tarikh Persetujuan di-Raja ... 30hb Ogos, 1971

Tarikh di-terbitkan dalam *Warta* ... 2hb September, 1971

Ceased to apply to persons dying
on and after 18/10/79 - See Act 224

3

UNDANG² MALAYSIA

Akta 38

AKTA KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA), 1971

Suatu Akta bagi mengubah undang² yang berkuatkuasa berhubung dengan duti harta pesaka.

[3hb September, 1971.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka), 1971 dan hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia. Tajok ringkas.

(2) Tertaklok kepada sekshen 2, Akta ini hendak-lah di-bacha dan di-tafsirkan bersama dengan undang² duti harta pesaka yang berkaitan.

2. (1) Dalam Akta ini melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“anak” termasuk-lah anak tiri dan anak yang di-ambil sa-bagai anak angkat mengikut mana² undang² berhubung dengan pengambilan anak angkat yang di-pakai bagi ibu atau bapa angkat itu;

“isteri” termasuk-lah semua isteri bagi sa-saorang yang di-benarkan beristeri lebeh daripada satu menurut undang² diri-nya;

“undang² duti harta pesaka yang berkaitan” erti-nya undang² berhubung dengan duti harta pesaka yang berkuatkuasa di-Sabah, Sarawak atau Malaysia Barat, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Tertaklok kepada sekshen-kechil (1), jika sa-suatu perkataan atau perbahaasan yang di-gunakan dalam Akta ini mempunyai erti yang di-beri kapadanya oleh mana² peruntokan undang² duti harta pesaka yang berkaitan, maka perkataan atau perbahaasan itu hendak-lah, dalam

Akta ini, mempunyai erti yang di-beri kapada-nya sa-demikian itu melainkan jika kandungan ayat-nya meng-hendaki makna yang lain.

Kadar²
duti harta
pesaka
dalam
sa-tengah²
hal.

3. (1) Jika sa-kira-nya sa-saorang mati pada atau sa-lepas 15hb Januari, 1970, maka banyak-nya duti harta pesaka atas harta yang terletak dalam Malaysia dan yang si-mati layak melepaskan pada masa kematian-nya dan—

(a) yang turun menurut kuatkuasa undang² kapada isteri, anak atau chuchu chichit-nya; atau

(b) yang di-wasiatkan oleh si-mati supaya di-pindahkan kapada isteri, anak atau chuchu chichit-nya,

ia-itu sa-takat mana harta itu berpindah kapada pemunyaan yang berfaedah bagi isteri, anak atau chuchu chichit itu, ia-lah lima puluh peratus daripada jumlah duti harta pesaka yang kena di-bayar, jika sa-kira-nya sekshen ini tidak di-jadikan undang², bagi harta itu mengikut kadar bersenggat yang di-nyatakan dalam undang² duti harta pesaka yang berkaitan.

(2) Berkenaan dengan harta sa-saorang Islam yang mati meninggalkan isteri, anak atau chuchu chichit pada masa kematian-nya, sekshen-kechil (1) hendak-lah juga di-pakai bagi apa² harta yang turun menurut hukum Shara' kapada waris peringkat atas-nya atau waris peringkat sama-nya.

Peman-
sokhan.

4. Ordinan No. 59 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 ada-lah dengan ini di-mansokhkan.